

18 NOV 1998

APEC-BERITA-RELEVAN/I

APEC DISESUAIKAN BAGI TINDAKAN DARI DALAM, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Tan Hock Guan

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Apec merupakan sebuah organisasi yang disesuaikan bagi tindakan dari dalam dan menangani isu-isu yang melibatkan negara-negara di dunia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, Apec (forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik) tidak boleh membuat keputusan mengenai sesuatu perkara bagi seluruh dunia, katanya pada satu sidang akhbar pada akhir Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Apec keenam di sini.

"Ia masih relevan. Kita boleh bincangkan apa yang boleh kita lakukan bagi seluruh dunia tetapi kita tidak boleh membuat keputusan bagi seluruh dunia," katanya.

"Mengenai apa yang harus dibuat tentang krisis kewangan misalnya, kita telah melakukan sedaya upaya kita."

Dr Mahathir berkata negara-negara Apec mempunyai pendapat yang sama dalam mengawal selia kegiatan pedagang matawang.

Katanya hanya kerana Malaysia tidak disebut dalam deklarasi bersama pemimpin tidaklah bererti bahawa negara-negara Apec yang lain tidak bersetuju dengan pendapat Malaysia.

"Tidak ada butiran terperinci diberikan mengenai perkara itu, ini cuma kerana Malaysia tidak mahu menonjolkan dirinya. Kita tidak bimbang sama ada nama kita disebut atau tidak," tegas beliau.

Beliau juga berkata negara-negara Asean dalam Apec sependapat dalam soal krisis kewangan.

Katanya negara-negara Asean dalam Apec telah bertukar-tukar pendapat dan ingin melihat satu bentuk kawal selia diwujudkan.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mengasingkan dirinya daripada negara-negara lain di dunia.

"Kita tidak mengasingkan diri, kita masih sebahagian daripada ekonomi dunia dan kita membincangkan perkara-perkara berhubung dengan keterbukaan yang lebih luas dalam perdagangan serta langkah-langkah yang perlu kita ambil dalam negara kita," jelas beliau.

"Ini menunjukkan bahawa mesyuarat Apec membuahkan hasil."

Menurut beliau mesyuarat tersebut berjaya tetapi sama ada ia akan berjaya kemudian nanti adalah sesuatu yang belum diketahui.

Beliau menambah kata bahawa Asia Pasifik masih lagi merupakan tempat yang menarik untuk melabur kerana keadaan telah agak stabil dan kerajaan-kerajaan sedang memperbaiki kelemahan masing-masing dan membuat pelabur merasa yakin untuk kembali melabur.

-- BERNAMA

THG KY MA